

MALAYSIAN TRADES UNION CONGRESS

MTUC /2101/2102

6hb Ogos 2007

YB Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn
Menteri Sumber Manusia
Kementerian Sumber Manusia
Aras 9, Blok D3, Parcel D
Putrajaya.

YB Datuk,

RANG UNDANG-UNDANG AKTA PERHUBUNGAN PERUSAHAAN 1967 AKTA KESATUAN SEKERJA 1959

Merujuk kepada perkara diatas, yang kini menanti kelulusan Parlimen.

Kami telah mengadakan perbincangan yang mendalam berkaitan dengan bil-bil tersebut bersama dengan tujuh peguam yang arif dalam perundangan perhubungan perusahaan. Satu salinan komen dari mereka dilampirkan bersama untuk perhatian dan pertimbangan YB Datuk. Selepas penganalisaan dan pandangan perundangan diperolehi terhadap bil-bil tersebut, majlis memutuskan bahawa:

1. Kedua-dua pindahan akta Perhubungan Perusahaan dan Kesatuan Sekerja merangkumi hak perlindungan Bahagian II Perlembagaan Persekutuan (Artikel 5(1),10(1) (c)).
2. Selain dari Artikel 1(3) Charter UN (yang menghendaki ahli-ahlinya termasuk Malaysia menghormati hak-hak kemanusiaan), kami merasakan undang-undang tempatan kita (Akta Hak Kemanusiaan) berhubung rapat dengan Universal Declaration of Human Rights 1948 dan undang-undang tempatan (seksyen 2, dan 4 (4)). Oleh yang demikian pindahan-pindahan tersebut sememangnya bercanggah dengan Akta Hak Kemanusiaan dan Undang-undang Antarabangsa.
3. Salah satu kes (R.Ramachandran) memperjelaskan hak-hak penghidupan contohnya hak terhadap mangsa pembuangan kerja secara tidak adil dilindungi oleh akta dalam bahagian II perlembagaan persekutuan. Jelaslah bahawa pindahan-pindahan tersebut mempunyai hubungan yang rapat dengan undang-undang tertinggi negara-oleh yang demikian pindahan-pindahan ini tidak akan sah. (Artikel 4 (1) Perlembagaan Persekutuan).
4. Maka kami menyeru YB Menteri supaya tidak bertindak bertentangan dengan undang-undang tertinggi negara, Akta Hak Asasi Kemanusiaan dan Undang-undang Antarabangsa. Pindahan yang dicadangkan itu sememangnya akan memalukan Malaysia dalam persidangan

MALAYSIAN TRADES UNION CONGRESS

antarabangsa-terutamanya melibatkan artikel 1(3) Charter UN yang dipersetujui.

5. Perkara sedemikian tidak harus berlaku di Malaysia yang bakal menyambut 50 tahun kemerdekaan malah dalam menerajui kemajuan kelak di masa hadapan.

Majlis Am MTUC dalam mesyuarat khas itu telah memutuskan sekiranya bil-bil tersebut diluluskan maka MTUC akan-

- a) Melakukan aduan terhadap Suruhanjaya Hak Asasi Kemanusiaan(seksyen 12 Akta Hak Asasi Kemanusiaan) untuk tindakan yang perpatutan (seksyen 13 Akta Hak Asasi Kemanusiaan).
- b) Mencabar pindahan-pindahan tersebut di mahkamah kerana melanggar Perlembagaan Persekutuan.
- c) Membawa perkara ini ke persidangan antarabangsa(ILO) kerana melanggar Charter UN dan Piawaian ILO.

Sekali lagi ingin kami maklumkan bahawa pindahan yang dicadangkan adalah jelas bertentangan dengan keyakinan mutlak yang dijanjikan oleh YB dalam mesyuarat NLAC.

Sesungguhnya kami inginkan penyelesaian dalam isu yang amat penting dan genting ini. Kami menyeru YB Menteri, atas landasan perjanjian tiga pihak (tripartism), untuk menarik balik kedua-dua bil tersebut, supaya keutamaan dan pendapat boleh diperbincangkan dengan lebih berkesan dalam mesyuarat NLAC.

Terima kasih atas segala kerjasama dan sokongan padu YB Menteri atas perkara ini.

G.RAJASEKARAN
Setiausaha Agung